



KPDN & HEP Bertindak Pro-Aktif Tangani Masalah Di Musim Perayaan

Sudah menjadi kebiasaan, setiap kali tiba musim perayaan, isu kenaikan harga barang-barang keperluan di pasaran akan menjadi tajuk utama perbincangan semua pihak, sama ada pihak media massa mahupun wakil-wakil persatuan pengguna, yang sememangnya sering menunggu peluang untuk “menyerang” pihak Kementerian, seolah-olah masalah kenaikan harga barang-barang ini terletak di bahu Kementerian ini semata-mata.

Lazimnya akan berlakulah “perang penjelasan” di kalangan pihak tertentu, terutamanya antara pihak industri yang terlibat secara langsung dengan bekalan barang-barang keperluan seperti pembekal, pemborong,

pengimport, peniaga dan peruncit, mengapa kenaikan harga barang-barang ini tidak dapat dielakkan. Ada yang menyalahkan orang tengah yang kononnya telah meletakkan harga yang tinggi kerana bekalan tidak mencukupi, manakala ada juga yang mengaitkannya dengan keadaan cuaca pada masa itu. Namun, walau apapun penjelasan atau alasannya, orang ramai atau penggunalah yang terpaksa menanggung bebannya.

Malah, bukan itu sahaja masalah yang terpaksa dihadapi oleh pengguna. Mereka kadang-kadang tertipu kerana tidak menyedari bahawa adalah salah sekiranya peniaga tidak meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual, oleh itu sukar untuk mereka membuat perbandingan harga. Dalam masa yang sama, terdapat juga peniaga-peniaga yang

tidak bertanggungjawab ‘mengubahsuai’ alat timbangan yang mereka gunakan demi untuk mendapatkan keuntungan yang lebih.

Ada juga di antara para peniaga di negeri dan kawasan-kawasan tertentu, terutamanya di pedalaman menjual secara tradisi iaitu dengan melonggokkan dan mencampurkan barang-barang yang dijual misalnya ikan atau sayuran tanpa menggunakan kaedah timbangan. Sebenarnya, menjual dengan cara ini lebih merugikan pengguna kerana kadang-kadang barangan yang masih elok dan yang kurang baik mutunya dilonggokkan sekali dan dijual dengan harga yang sama. Dipendekkan cerita,

SENARAI HARGA RUNCIT DI WILAYAH PERSEKUTUAN MULAI 20 DISEMBER 2000 HIL

BIL	BARANGAN	UNIT	HARGA	BIL
1	AYAM YANG DISEMBELIH DAN DIBERSIHKAN (BERSERTA KAKI DAN KEPALA)	1 KG	5.40	7
2	DAGING LEMBU TEMPATAN	1 KG	15.00	8
3	DAGING LEMBU IMPORT (INDIA)	1 KG	6.50	9
4	DAGING KERBAU TEMPATAN	1 KG	15.00	10
5	DAGING KERBAU IMPORT (INDIA)	1 KG	6.50	11
6	IKAN KEMBUNG WITAM TEMPATAN	1 KG	10.00	12
				13

13 Jenis Barang Keperluan Musim Perayaan Yang Dikawal Harga Di Bawah Akta Kawalan Harga 1946

1. Ayam
2. Daging lembu tempatan
3. Daging lembu beku (India)
4. Daging kerbau tempatan
5. Daging kerbau beku (India)
6. Ikan kembung hitam / hijau (tempatan)
7. Cili merah
8. Kacang panjang
9. Kobis bulat (Indonesia)
10. Kelapa biji
11. Telur ayam (Gred “A”)
12. Bawang kecil merah jambu (Thailand)
13. Ubi kentang (Indonesia)



Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin b. Hj. Mohd. Yassin mengadakan sidang akhbar kepada pemberita-pemberita selepas membuat tinjauan ke Pasar Keramat.

SIDANG PENGARANG

Penasihat

Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Penolong Penasihat

Y. B. Dato' S. Subramaniam
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Ketua Pengarang

Syed Mestaddin bin Syed Abdullah
Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Pengarang

Abdul Rahman bin Ghazali
Timbalan Ketua Pengarah,
Bahagian Penguatkuasa (Operasi),

Yap Kon Lim

Normah Sheikh Abdullah
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Nik Suzana

Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan
Hal Ehwal Pengguna

Penolong Pengarang

Anyi Ngau
Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Noor Jamal Ali

Penolong Pegawai Penerbitan,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Publisiti Dan

Hal Ehwal Korporat
James Tho
Ketua, Publisiti dan Hal Ehwal Korporat,
Buletin Perlindungan Pengguna

Cynthia Chin

Penolong Ketua,
Buletin Perlindungan Pengguna

Sumithra (Sumi)

Noor Amilia
Habeebah Siddeeka
Aishah Abd. Rahman
Pegawai-pegawai Kordinator dan
Perhubungan Buletin

Produksi Dan Edaran

Nancy Thong
Edward Loh

Alamat :

Buletin Perlindungan Pengguna,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 32, Bangunan Daya Bumi,
Jalan Sultan Hishamuddin
50623 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2260 1806
No. Faks : 03-2274 7628 • 2260 1807
E-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

Buletin Perlindungan Pengguna
merupakan projek usahasama Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna dengan kerjasama Majlis Hal
Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur dan
diterbitkan secara bulanan. Rencana-
rencana yang diterbitkan dalam buletin ini
adalah pandangan peribadi penulis dan tidak
semestinya menggambarkan pendirian
Kementerian
Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna.

ISSN 1511-6581



*Suara
Pengarang*



Tahun 2000 telah berlalu dan kini kita telah memasuki tahun 2001 di abad dan alaf yang baru. Semestinya kita mempunyai tekad dan azam yang baru. Sebelum itu, kita juga perlu mengimbas sejurus segala pencapaian kita di tahun lalu. Kita juga perlu mengkaji segala kekurangan kita di masa yang lampau agar dapat diperbaiki dan pelajari dari segala kesilapan kita.

Apa yang nyata ialah keadaan kita bertambah baik dalam banyak bidang. Ekonomi negara juga tidak begitu buruk seperti yang kita lihat dan dengar berlaku di tempat-tempat lain. Kita seharusnya bersyukur kerana keadaan di negara ini masih dijamin aman dan tenteram serta ekonomi yang kian menunjukkan angka ke arah pemulihan. Semua ini adalah hasil daripada keyakinan dan kerjasama kita sendiri. Sebagai pengguna, kita telah berjaya mengawasi keadaan ekonomi negara dan bangsa kita dengan menumpukan perhatian kepada keadaan ekonomi keluarga dan rumah tangga masing-masing. Dengan bekerja kuat dan meningkatkan prestasi, kita berupaya menambahkan produktiviti dan efisiensi kita. Ini mengukuhkan lagi tahap pertumbuhan ekonomi keseluruhannya. Dengan daya beli yang semakin kuat dan penumpuan kepada kepentingan berhemat, kita juga dapat menggalakkan persaingan dan pertumbuhan sektor pembuatan di samping menambahkan dana pelaburan dengan menabung pendapatan yang kita jimatkan. Inilah ertinya hak dan tanggungjawab kita sebagai pengguna. Hak tanpa tanggungjawab tidak bererti sama sekali kerana tanpa tanggungjawab, hak juga lama-kelamaan akan terhakis.

Pencapaian kita di bidang kepenggunaan tidak seharusnya diukur dari sudut kewangan semata-mata. Kita harus juga meneliti bagaimana mentaliti atau cara berfikir kita telah bertukar. Begitu juga dengan tanggapan hidup kita dan perangai kita. Usaha dan program yang dijalankan oleh pihak Kementerian dan Persatuan Pengguna tidak ada ertinya tanpa sambutan dari kita semua sebagai kumpulan sasarannya. Kita yang harus sedar dan kita juga yang dapat bertindak. Program kepenggunaan yang paling efektif ialah yang dipelopori oleh pengguna sendiri dan yang melibatkan pengguna keseluruhannya. Dengan ini, marilah kita semua bersedia untuk mengharungi abad dan alaf baru ini dengan tekad dan azam yang bukan sahaja baru tetapi padat dan lebih bermakna. Kita perlu berganding tangan dan berpadu tenaga bersama ke arah satu tujuan yang murni. Kita perlu berubah untuk menerima perubahan.

- Pengarang

Kembali Ke Sekolah



Ibubapa dan anak-anak membeli-belah menjelang musim persekolahan "Back to School Sale"

Melangkah sahaja ke ambang tahun 2001, ibubapa sudah hampir melupakan kemeriahan Hari Raya dan Krismas. Sebaliknya mereka memberi tumpuan kepada persiapan persekolahan anak-anak mereka yang akan menjadi pewaris masa depan.

Yang pastinya anak-anak mahukan serba baru, berjenama dan canggih. Iklan yang bertubi-tubi melalui kaca TV, corong radio dan berbagai media lain turut mempengaruhi mereka. Sama ada anak-anak yang baru hendak melangkah ke alam pra sekolah mahupun anak-anak yang akan meneruskan persekolahan mereka; masing-masing mahukan pakaian baru, beg baru, kasut baru, alat tulis canggih dan sebagainya.

Ibubapa sewajarnya telah merancang perbelanjaan tersebut,

termasuk yuran persekolahan. Tidak semestinya tahun baru segala-galanya baru.

Mungkin pakaian sekolah, kasut dan beg sekolah tahun lepas masih baik dan boleh digunakan lagi. Bagi mereka yang tidak mendapat bantuan buku teks mungkin boleh menggunakan buku-buku teks terpakai anak-anak jiran atau saudara-mara yang akan melangkah ke kelas yang lebih tinggi tahun ini.

Kelab-kelab pengguna sekolah boleh memainkan peranan mengutip derma buku-buku terpakai. Kemudian dijual dengan harga yang rendah kepada pelajar-pelajar baru. Hasil jualan tentunya dapat mengisi tabung kelab untuk aktiviti kepenggunaan yang lain. Untuk menggalakkan lebih ramai pelajar yang menderma buku-buku terpakai mereka; pihak kelab boleh mengeluarkan sijil penghargaan dan memberikan harga istimewa apabila mereka membeli buku dari kelab.

Pada masa yang sama, para peniaga tentunya mengadakan bermacam-macam promosi menarik pelanggan dengan berbagai slogan dan tawaran.

Ibubapa sepatutnya menjadi pengguna yang bijak. Tidak mudah terpengaruh dengan promosi dan desakan anak-anak. Senaraikan dahulu barangan yang perlu dibeli. Buat perbandingan dan analisa promosi sebelum membuat pilihan untuk membeli.

Sering kali terjadi mereka yang tidak menyenaraikan pembelian akan terjebak dengan pembaziran. Mereka yang tertarik dengan promosi tanpa membuat perbandingan diakhiri dengan penyesalan.

Sesungguhnya ibubapalah yang menjadi sebaik-baik cermin kehidupan untuk anak-anak. Binalah generasi pengguna yang bijak untuk masa depan negara.

sambungan daripada mukasurat 1

terdapat seribu satu masalah yang terpaksa dihadapi oleh pengguna yang memerlukan perhatian pihak Kementerian.

Bosan dengan senario yang sama setiap kali menjelangnya musim perayaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) di bawah pengawasan Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin, telah mengambil langkah pro-aktif bagi menangani masalah ini daripada berterusan. Menjelang musim perayaan di alaf baru ini, KPDN & HEP telah buat pertama kalinya menggunakan peruntukkan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 untuk memastikan bahawa semua pembekal, peniaga, pemborong, peruncit termasuk juga pembeli, mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta ini atau mereka boleh diambil tindakan jika menyalahinya.

Langkah baru yang diperkenalkan ini ialah dengan menetapkan harga maksimum runcit (harga siling) ke atas barang-barang terpilih di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri, Kementerian telah mewartakan sebanyak 13 jenis barang-barang sebagai "barang terkawal" (price-controlled goods) yang terdiri daripada kacang panjang, kubis bulat (Indonesia), ikan kembung hitam (tempatan), daging lembu (tempatan), daging kerbau (tempatan), daging lembu (import), daging kerbau (import), kelapa biji, ayam yang disembelih dan dibersihkan (berserta kaki dan kepala), cili merah, bawang merah kecil (Thailand), ubi kentang (Indonesia) dan telur ayam (gred A).

Mengikut Akta ini juga, peniaga-peniaga yang ingin menjual barang-barang yang diwartakan ini perlu mempunyai lesen yang boleh didapati dengan harga RM1.00 yang dikeluarkan oleh Kementerian.

Tempoh yang ditetapkan ialah selama dua minggu iaitu seminggu



Y.B. Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin B. Hj. Mohd. Yassin dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian membuat tinjauan ke pasar-pasar di sekitar Kuala Lumpur untuk melihat persediaan peniaga dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Y.B. Menteri cuba mendapatkan maklumbalas daripada peniaga cili, ikan dan daging mengenai peraturan yang ditetapkan.



bersambung di mukasurat 10

Pentingnya Pendidikan Pengguna Di Sekolah-Sekolah

Wawasan 2020 merupakan dorongan ke arah kecemerlangan negara. Bagi mencapai dan merealisasikannya, dasar ekonomi negara yang kukuh dalam bidang perniagaan perlulah ditekankan sepenuhnya. Dalam kehidupan seharian, perniagaan memainkan peranan penting untuk mencuri pandangan dan tumpuan orang ramai agar menjadi pemangkin ke arah kemakmuran negara.

Orang ramai sebagai pengguna merupakan aset penting dalam menjayakan wawasan negara. Bagi mencapai tujuan itu, pendidikan dalam bidang kepenggunaan perlulah disemai dari peringkat kecil lagi.

Dalam hal yang sedemikian, sekolah merupakan sebuah institusi yang paling sesuai untuk mendidik pelajar tentang pendidikan kepenggunaan.

Biasanya, peniaga lebih mementingkan keuntungan daripada memikirkan hak-hak pengguna. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar harus mengetahui tentang hak-hak yang ada pada mereka sebagai pengguna. Pendidikan pengguna di sekolah-sekolah juga dapat membentuk sikap yang positif di kalangan pelajar. Ini adalah kerana pelajar-pelajar merupakan bakal barisan intelek yang akan menyemarakkan



Murid-murid menyertai pertandingan mewarna yang merupakan salah satu aktiviti-aktiviti kepenggunaan yang di anjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna sempena Hari Pengguna Sedunia yang lalu.

lagi semangat dan kejituan rakyat dalam hal ehwal perniagaan masa akan datang.

Pengguna pada hakikatnya mempunyai lapan hak, iaitu hak mendapatkan keperluan asas, hak mendapatkan keselamatan/perlindungan, hak mendapatkan maklumat, hak mendapat gantirugi, hak membuat pilihan, hak bersuara, hak mendapat pendidikan pengguna dan hak untuk hidup dalam alam sekitar yang sihat.

Pendidikan pengguna secara amnya, membantu pelajar-pelajar mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai bagaimana urusan dagangan dijalankan dalam kehidupan seharian. Pendidikan pengguna di sekolah-sekolah dapat membantu para pelajar mengetahui cara-cara pengguna menggunakan hak-hak yang ada pada mereka untuk menghalang daripada dieksploitasikan oleh peniaga-peniaga.

Sesungguhnya, untuk membentuk satu barisan intelek yang peka terhadap hal-hal kepenggunaan, pelajar-pelajar perlulah memperluaskan diri mereka dengan pengetahuan yang utuh untuk menangani masalah-masalah pengguna. Memandangkan peniaga begitu ghairah dan berleluasa mengeksploitasikan kejahilan pengguna, maka sudah sampai masanya bagi pengguna berusaha menuntut hak mereka yang amat penting, iaitu hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna. Pendidikan pengguna di sekolah-sekolah dapat menggambarkan pada pemikiran manusia bahawa pendidikan pengguna amat penting supaya para pengguna lebih memahami suasana dunia perniagaan masa kini yang semakin mencabar, terutama dalam era globalisasi dan teknologi maklumat.

bersambung di mukasurat 10

Siswa-Siswi Mencorak Pemangungan Kepergunaan

Gerakan kepergunaan telah wujud di kebanyakan negara maju dan negara sedang membangun. Perbezaannya ialah gerakan kepergunaan di negara maju telah mencapai satu tahap di mana majoriti rakyatnya memahami hak dan tanggungjawab mereka. Mereka sanggup bertindak sebagai kumpulan untuk melindungi kepentingan mereka sedangkan di negara membangun pula, isu kepergunaan adalah pada tahap yang berbeza-beza bahkan terdapat perbezaan tahap kefahaman dan pengetahuan di kalangan masyarakatnya.

Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku kerana kita semua merupakan pengguna dan harus mengambil berat perkara-perkara yang menyentuh kepentingan kita seperti yang ditafsirkan oleh YAB. Perdana Menteri;

"Semua rakyat Malaysia tanpa mengira kedudukan dalam masyarakat adalah pengguna dan menggunakan barangan atau perkhidmatan atau kurniaan alam semulajadi. Pengguna adalah asas segala kegiatan ekonomi."



Pelajar-pelajar dari Kelab Pengguna Sekolah bekerjasama mengumpul bahan-bahan pameran mengenai kepergunaan untuk tatapan semua pelajar. Bahan-bahan terbuang seperti kotak dijadikan bingkai poster.

Memperlengkapkan diri dalam bidang



bersambung di mukasurat 8

Asas Pendidikan Pengguna

Kesedaran yang kritis. Pengguna dididik supaya kritis terhadap mutu barangan dan perkhidmatan serta kualiti alam sekitarnya. Juga, pengguna dididik mengenai amalan pengeluaran dan penggunaan dan kaitannya dengan alam sekitar. Pengguna seterusnya digalakkan supaya sering menyoal tentang kepergunaan supaya berpengetahuan dan sukar ditipu.

Objektiviti. Pengguna dilatih supaya boleh membuat pilihan yang bijaksana. Tidak mudah dipengaruhi oleh iklan-iklan atau taktik-taktik penjualan.

Nilai. Membentuk nilai-nilai hidup juga menguntungkan pengguna. Tidak terburu-buru meniru nilai-nilai yang tidak sesuai. Juga, mengubah kepercayaan bahawa produk atau perkhidmatan yang mahal atau kerap diiklankan semestinya lebih berkualiti daripada yang berharga murah atau tidak diiklankan.

Sikap. Membina sikap positif dan bertanggungjawab. Berani mengambil tindakan dan membuat aduan apabila tertipu atau mendapati produk atau perkhidmatan tidak memuaskan. Mengubah sikap negatif seperti pantang melihat jiran atau kawan hidup lebih mewah. Juga, menghapuskan sikap mementingkan diri dan sebaliknya memupuk rasa bertanggungjawab sosial serta sikap bekerjasama dan bersatu padu.

Undang-undang. Memperkenalkan undang-undang yang melindungi pengguna. Memberi fahaman yang mendalam mengenai undang-undang supaya pengguna mahir menggunakannya apabila perlu. Pengguna juga digalakkan untuk memastikan yang undang-undang perlindungan pengguna dikuatkuasakan dengan berkesan dan sepenuhnya. Jika ada kelonggaran atau kelemahan dalam undang-undang tersebut, kerajaan haruslah digesa untuk memperketatkannya. Bila perlu, mendesak kerajaan untuk menggubal undang-undang yang baru atau meminda undang-undang yang ada supaya lebih berkesan.

Maklumat. Maklumat adalah kuasa. Melatih pengguna bagaimana hendak mendapat, mengguna dan menilai pelbagai maklumat supaya kemahiran pengguna membeli dan menggunakan dapat dipertingkatkan. Maklumat juga memberi pengguna pilihan lebih meluas serta melindungi kita daripada produk bahaya dan amalan buruk.

Ekonomi dan ekologi. Menerangkan tentang sistem ekonomi negara supaya pengguna boleh menggunakan pengetahuan ini untuk melindungi kepentingan pengguna. Juga, menggalakkan pengguna supaya berjimat cermat dalam perbelanjaan harian. Pengguna juga perlu dididik mengenai ekologi supaya mencintai alam sekitar.

Rancangan. Pengguna dididik supaya merancang setiap tindakan mereka. Misalnya, membuat senarai barang yang hendak dibeli sebelum ke kedai atau ke pasar. Dengan itu, mengelak membeli secara terburu-buru yang biasanya merugikan pengguna. Pengguna yang terdidik adalah raja kerana merancang setiap aktiviti mereka dan tahu hak-haknya sebagai pengguna. Pengguna yang merancang adalah pengguna yang bijak dan sukar ditipu atau merasa sesal di kemudian hari.

sambungan daripada mukasurat 7

di institusi-institusi pengajian tinggi. Program ini perlu dirangka berdasarkan dua isu penting. Pertama, apakah tahap kesedaran dan kefahaman kepenggunaan di kalangan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi. Kedua, apakah peranan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi dalam membangunkan pergerakan kepenggunaan di kalangan masyarakat.

Kedua-dua isu ini berkait rapat dengan peranan dan tanggungjawab penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi dalam memperluaskan diri dengan ilmu kepenggunaan, agar siswa-siswi dapat mencorakkan pembangunan kepenggunaan di negara ini ke tahap yang lebih baik dan berkesan seterusnya dapat mengharungi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mencapai wawasan 2020.

Pendekatan program pendidikan kepenggunaan yang diamalkan perlulah mempunyai matlamat meningkatkan kesedaran, pengetahuan serta penglibatan siswa-siswi di dalam segala kegiatan pengguna yang dijalankan. Ini bermakna, mereka hendaklah mengambil bahagian yang aktif dalam kegiatan-kegiatan kepenggunaan yang dijalankan di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi, mahupun di peringkat negeri dan kebangsaan. Satu "corollary" kepada pendekatan ini adalah mereka perlu menjadi ahli dalam

persatuan-persatuan pengguna peringkat negeri agar dapat menambahkan ahli dalam persatuan berkenaan serta aktiviti-aktiviti mereka. Dengan cara ini, siswa-siswi akan seiring dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai dan menggunakan maklumat kepenggunaan dengan penuh manfaat.

Daripada tinjauan yang dijalankan, menunjukkan bahawa sebilangan kecil institusi pengajian tinggi yang mempunyai kelab-kelab atau persatuan pengguna yang aktif. Keadaan ini berlaku kerana beberapa sebab seperti bimbingan yang tidak mencukupi, kewangan yang terhad, kurang minat siswa-siswi terhadap isu-isu serta aktiviti-aktiviti kepenggunaan. Ini boleh diibaratkan sebagai "vicious circle" di mana kelemahan dalam satu aspek menyebabkan kelemahan yang lain. Bagaimanapun, seharusnya persatuan atau kelab-kelab pengguna institusi pengajian tinggi ini boleh mendapatkan bimbingan dan bantuan daripada persatuan-persatuan pengguna negeri dan Kerajaan dari segi kewangan, nasihat dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti mereka.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sendiri berusaha mengukuhkan kedudukan kelab-kelab dan persatuan pengguna yang terdapat di institusi pengajian tinggi agar siswa-siswi dapat meningkatkan pengetahuan kepenggunaan mereka serta dapat memanfaatkannya dengan baik dan berkesan.

Kementerian sentiasa bersedia menjalankan aktiviti-aktiviti kepenggunaan anjuran bersama dengan kelab atau persatuan pengguna institusi pengajian tinggi di mana bantuan seperti penceramah, kertas kerja dan kewangan disediakan.

Pelbagai aktiviti menarik boleh dijalankan seperti ceramah, seminar, bengkel, forum dan pameran. Selain itu, institusi pengajian tinggi secara amnya dan siswa-siswi khususnya boleh menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan hal ehwal kepenggunaan. Antaranya ialah kajian mengenai sikap pengguna semasa membeli-belah, perbezaan harga di antara kedai-kedai, amalan-amalan perniagaan, undang-undang pengguna dan lain-lain lagi. Kajian-kajian ini penting dalam merangka program-program pendidikan kepenggunaan kepada para pengguna.

Siswa-siswi merupakan golongan muda yang cerdik pandai, mempunyai peranan yang penting dari segi kepenggunaan kerana merekalah yang akan menjadi "decision makers of tomorrow". Oleh itu, semua institusi pengajian tinggi di negara ini perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam memberi kesedaran kepenggunaan kepada mahasiswa dan mahasiswi serta masyarakat umum supaya mereka menjadi pengguna yang bijak.

Oleh: George Ding

Anugerah Fellowship Untuk Dato' Idrus Harun, Pendaftar Syarikat Malaysia

Dato' Idrus bin Harun, Pendaftar Syarikat Malaysia telah diberikan penghormatan yang tinggi oleh Institut Pengarah-pengarah Malaysia (MID), apabila beliau dianugerahi dengan Anugerah Fellowship, serta diterima sebagai Fellows oleh Institut ini yang merupakan satu-satunya badan professional yang dianggotai oleh Pengarah-pengarah Syarikat di Malaysia.

Beliau menerima anugerah tersebut daripada Presiden MID, Tan Sri Khir Johari di Majlis Makan Malam. Sempena Hari Pengarah-pengarah 2000 dan Penganugerahan Tahunan bagi Academy of Fellow, Institut Pengarah-pengarah Malaysia yang diadakan pada 21 November 2000. Turut menerima anugerah yang sama ialah Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, En. Ali Abdul Kadir dan Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Azlan Hashim. Anugerah berprestij ini diberikan oleh MID kepada mereka yang layak, berdasarkan kepada kepimpinan cemerlang yang ditunjukkan serta sumbangannya kepada masyarakat dan negara termasuklah kepada sektor korporat.

Kementerian ini berbangga kerana inilah pertama kalinya seorang pegawai kanan Kementerian dipilih untuk menerima anugerah ini. Malah, pemilihannya juga tidak mengejutkan kerana Dato' Idrus bukan sahaja kaya dengan ilmu dan pengetahuan tetapi juga mempunyai pengalaman yang luas dalam kerjayanya. Tempoh perkhidmatannya yang telah menjangkau 20 tahun ini tentunya menjadikan beliau seorang yang matang dan disegani oleh sesiapa sahaja yang berurusan dengannya.



**TUTE OF DIRECTORS
RS' DINNER 2000
CADEMY OF FELLOWS
OF HONOUR**

**YIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
ADE AND CONSUMER AFF
EMB**



Pendaftar Syarikat Malaysia, Dato' Idrus Harun menerima "Anugerah Fellowship" daripada Presiden MID, Tan Sri Khir Johari pada 21 November 2000.

Kini sebagai langkah terbaru, Pejabat Pendaftar Syarikat dengan kerjasama Institut Pengarah-pengarah Malaysia akan menganjurkan program latihan kepada Pengarah-pengarah Syarikat di seluruh Malaysia untuk mendedahkan mereka mengenai perkara-perkara asas yang menyentuh mengenai kepentingan "corporate governance" serta tugas dan tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh setiap Pengarah Syarikat. Latihan dan kursus ini akan diadakan dalam beberapa bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris

dan Cina. Penyertaannya pula terbuka kepada semua syarikat-syarikat persendirian dan awam di negara ini. Tujuannya adalah supaya Pengarah-pengarah Syarikat di negara ini akan menjadi lebih peka dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan kepada mereka. Setinggi-tinggi tahniah untuk Dato' Idrus bin Harun, semoga pengiktirafan yang diterima ini akan menjadi pendorong kepada perkhidmatan yang lebih cemerlang di masa depan.

sambungan daripada mukasurat 4



Meninjau harga bawang dan kentang yang merupakan antara barang-barang yang dikawal harganya.

sebelum dan seminggu selepas perayaan bermula pada 20 Disember 2000 hingga 4 Januari 2001. Dalam tempoh ini, adalah menjadi kewajipan pembekal, pemborong dan peruncit untuk memastikan bekalan barang-barang ini adalah mencukupi dan harga yang dijual pula tidak melebihi daripada harga yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan mereka, termasuk pengguna dikompaunkan dengan kompaun yang tidak melebihi RM7,500 atau jika dibawa ke mahkamah, mereka boleh didenda tidak melebihi RM15,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi daripada RM25,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan berikutnya.

Bagi memastikan semua pihak akur dengan langkah yang telah ditetapkan ini, Kementerian telah mengarahkan semua pegawai penguatkuasa di seluruh negara supaya memantau keadaan ini dengan teliti. Malah, Y.B Menteri juga telah mengadakan tinjauan ke pasar-pasar, terutamanya di Kuala Lumpur untuk memastikan para peniaga mematuhi peraturan ini. Peti-peti aduan turut

disediakan manakala pejabat bergerak bahagian Penguatkuasa juga ditempatkan secara bergilir di pasar-pasar untuk memudahkan orang ramai memberikan maklumbalas serta membuat aduan terhadap mereka yang tidak mematuhi peraturan.

KPDN & HEP telah pun berusaha untuk memberikan kestabilan harga ke atas barang-barang keperluan di musim perayaan supaya pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan manakala pihak industri dan peniaga pula tidak mengalami kerugian. Harga siling yang ditetapkan ini sememangnya telah mengambil kira semua faktor supaya tidak membebankan mana-mana pihak.

Namun, langkah yang diambil ini tidak akan berkesan tanpa sokongan daripada semua pihak, terutamanya pengguna sendiri. Penggunalah yang memegang saham terbesar dalam menentukan kejayaan sesuatu langkah yang diambil. Mereka perlu bijak membuat pilihan kerana kuasa membeli ada di tangan mereka. Oleh itu buatlah pilihan yang bijak dan berikanlah maklumat dengan jelas serta terperinci ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab supaya pihak Kementerian boleh mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka yang cuba mengambil kesempatan.

sambungan daripada mukasurat 5

Pendidikan pengguna di sekolah-sekolah bukan sahaja dapat membantu para pelajar menyelesaikan masalah-masalah pengguna, malah membentuk sahsiah pelajar-pelajar agar lebih inisiatif dan inovatif untuk menarik perhatian pelajar ke arah menjadi pengguna yang berwawasan tinggi. Sebenarnya, masalah sekarang adalah sikap pengguna sendiri yang tidak acuh terhadap hak-hak mereka, walaupun ramai yang sedar akan hak-hak mereka. Pengguna haruslah bergabung tenaga untuk memperjuangkan hak-hak mereka daripada terus dicabuli oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tanpa tindakan pengguna, mereka akan terus dibelenggu oleh masalah-masalah pengguna yang semakin kompleks dan merumitkan. Pengguna seharusnya menggunakan sepenuhnya peluang di sekolah-sekolah bagi memperluaskan diri mereka dengan ilmu kepenggunaan yang tinggi agar mereka dapat menangani masalah-masalah pengguna yang wujud.

Sememangnya, pendidikan pengguna harus diterapkan di peringkat sekolah-sekolah lagi untuk melahirkan generasi intelek yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Kurikulum sekolah masa kini perlulah disesuaikan dengan menerapkan unsur-unsur kepenggunaan dalam mata pelajaran-mata pelajaran tertentu yang wajib dan perlu untuk diambil oleh pelajar agar generasi akan datang lebih berpengetahuan dan boleh menjadi pengguna yang bijak dan rasional.



Pengguna bersama Ariff

Sembilan Tabiat Pengguna

Manusia sebagai pengguna memang mudah membentuk tabiat belianya. Iklan-iklan yang membanjiri pasaran turut mempengaruhi tabiat belian pengguna.

'Pengguna Bersama Ariff' kali ini ingin memaparkan beberapa rumusan tinjauan tentang tabiat belian pengguna untuk renungan semua pengguna;

- 1) Hampir 70% bahan makanan dibeli secara mendadak atau tanpa sebarang perancangan.
- 2) Hampir 60% membeli-belah di sebuah pasaraya sahaja, 30% lebih daripada dua pasaraya dan bakinya mempunyai fikiran terbuka tentang kekerapan untuk ke kedai.
- 3) Hampir 40% pengguna membeli-belah hanya sekali

seminggu, 20% dua kali seminggu, dan bakinya paling kurang, tiga kali seminggu mereka membeli-belah.

- 4) Hampir 95% pengguna Malaysia terlibat dalam belian mendesak. Kurang daripada 20% pengguna menggunakan dan menyediakan senarai belian sebelum membeli.
- 5) Terdapat perkembangan pengguna suka mengunjungi gedung membeli-belah daripada kedai runcit.
- 6) Pengguna selalunya berbelanja dalam minggu pertama selepas menerima gaji. Pengguna biasanya membayar bil-bil yang diterima terlebih dahulu sebelum pergi membeli-belah.
- 7) Pengguna yang mempunyai kad kredit didapati berbelanja tiga kali ganda lebih banyak daripada

mereka yang tidak memilikinya.

- 8) Pengguna lebih cenderung membeli melalui bayaran mudah atau ansuran daripada tunai. Dan, mereka jarang mempertimbangkan kos membeli dengan cara seperti ini.
- 9) Tidak ramai pengguna yang membaca lebel barangan yang hendak dibeli terlebih dahulu sebelum membelinya.

Beberapa contoh di atas, menunjukkan bahawa pengguna biasanya dikuasai oleh tabiatnya. Bagaimanapun, tabiat seseorang pengguna amat dipengaruhi oleh budaya dan persekitarannya.

Pengguna yang bijak akan selalu mengawasi dan mengawal tabiat belianya. Jadilah pengguna yang bijak, cekap dan rasional.

KEMBALI KE SEKOLAH

KEMI



Saya mengucapkan Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri 1421 dan Selamat Tahun Baru 2001. Maaf zahir Batin.

We welcome your contributions

Our Bulletin needs your contributions. You may send in articles of interests on any subject related to consumer affairs or the environment. Besides sharing your experiences and knowledge with others, you will also be helping us to spread and broaden consumer knowledge to our readers. Your effort will be amply rewarded. Contributions must be type-written in either Bahasa Malaysia or English. Unpublished items will be returned to contributors if a stamped self-addressed envelope is enclosed. For every item published, contributors will be paid according to the following rates :

1. RM100.00 for a minimum full page article on matters related to consumerism or the environment.
2. RM50.00 for the best letter of the month written to the editor on any subject related to consumerism or the environment.
3. RM 50.00 per item on news report related to consumerism or the environment.
4. RM40.00 for a photograph on 4R glossy paper. The photograph must be on subjects related to consumerism or the environment. Photographs may be published independently or to accompany articles or news item.
5. RM60.00 for original cartoons or caricatures on matters related to consumerism or the environment.

Kami Mengalu-alukan Sumbangan Anda

Buletin kami memerlukan sumbangan anda. Kami sedia menerima sumbangan anda mengenai isu kepenggunaan dan alam sekitar. Selain dari dapat bersama berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan pembaca lain, anda juga dapat menyumbang ke arah menyebarkan ilmu kepenggunaan kepada semua pembaca. Usaha anda juga akan diberi bayaran yang setimpal dan sewajarnya. Sumbangan mestilah ditaip sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris. Semua sumbangan yang tidak diterbitkan akan dipulangkan jika disertakan dengan sampul surat beralamat sendiri dan berselem. Untuk sebarang sumbangan yang diterbitkan anda akan dibayar mengikut kadar berikut :

1. RM100.00 untuk sumbangan berbentuk rencana utama mengenai isu kepenggunaan atau alam sekitar yang tidak kurang dari satu muka penuh.
2. RM50.00 bagi sepucuk surat yang terbaik bagi setiap bulan yang ditulis kepada pengarang menyentuh masalah kepenggunaan atau alam sekitar.
3. RM50.00 bagi setiap berita mengenai masalah kepenggunaan atau alam sekitar.
4. RM40.00 bagi setiap gambar foto mengenai isu kepenggunaan atau alam sekitar yang di terbitkan. Gambar mestilah berukuran 4R yang dicetak diatas kertas foto licin (glossy) .
5. RM60.00 bagi setiap kartun atau lakaran asli mengenai isu kepenggunaan atau alam sekitar.

Sila hantar sumbangan anda kepada :
Sidang Pengarang Buletin Perlindungan Pengguna
 Bahagian Hal Ehwal Pengguna
 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna,
 Tingkat 32, Bangunan Daya Bumi, Jalan Sultan Hishamuddin 50623 Kuala Lumpur.
 No. Faks : 03-2274 7628 • 2260 1807
 E-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

BAHAGIAN PENGUATKUASA :

- Bilik Gerakan K. Lumpur : 03-40436888/03-40437888 • Wilayah Persekutuan K. Lumpur : 03-40423555
- Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366
- Perlis** • Kangar : 04-9761478 **Kedah** • Alor Setar : 04-7339062 • Sg. Petani : 04-4205108 • Langkawi : 04-4213400 • Kulim : 04-4963700
- Pulau Pinang** • P. Pinang : 04-2616168 • Seberang Prai : 04-4331750 **Perak** • Ipoh : 05-2555001 • Taiping : 05-8098801 • Teluk Intan : 05-6227967 • Grik : 05-7941000 • Manjong : 05-6871100 **Selangor** • Shah Alam : 03-5584102 • Kajang : 03-87381191 • K. Kubu Baru : 03-60642495 • Kuala Selangor : 03-8898559 • Sepang : 03-8465067 **Wilayah Persekutuan** • Kuala Lumpur : 03-4423555 • Labuan : 087-417669 **Negeri Sembilan** • Seremban : 06-7630911 • Kuala Pilah : 06-4821050 • Port Dickson : 06-6461501 **Melaka** • 06-2820422
- Johor** • Johor Bahru : 07-2234699 • Kluang : 07-7736877 • Muar : 06-9521094 • Mersing : 07-7981001 • Batu Pahat : 07-4355478
- Segamat : 07-9333400 **Pahang** • Kuantan : 09-5121234 • Temerloh : 09-2961688 • Raub : 09-3551670 **Terengganu** • K. Terengganu : 03-6221234 • Kemaman : 09-8591919 • Besut : 09-6902204 **Kelantan** • Kota Bahru : 09-7447187 • Kuala Krai : 09-9666368 **Sabah** • K. Kinabalu : 088-235702 • Sandakan : 089-201301 • Tawau : 089-776690 • Kudat : 088-615310 • Keningau : 087-3384001 • Lahad Datu : 089-886090 **Sarawak** • Kuching : 082-245202 • Sibiu : 084-329202 • Miri : 085-412862 • Bintulu : 086-332176 • Labuan : 087-417669
- Sarikei : 084-654414 • Kapit : 084-797664 • Limbang : 085-217414

PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-4433366 • Alor Setar : 04-7318277 • Butterworth : 04-3327793 • Ipoh : 05-2547913 • Kota Bahru : 09-7484599 • Kuantan : 09-553600 • K. Terengganu : 09-6237170 • Johor Bahru : 07-2244710 • Melaka : 06-2821822

BAHAGIAN HARTA INTELEK :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-22742100 • Kota Kinabalu : 088-233571 • Kuching : 089-428499

BAHAGIAN HAL EHWAL PENGGUNA : 03-22742100**BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI : 03-22742100****PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN SYARIKAT :**

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7330111 • P. Pinang : 04-3332081 • Ipoh : 05-2416900 • Kuantan : 09-553866
- Kota Bahru : 09-7482860 • Kota Kinabalu : 088-233346 • Kuching : 082-428499 • Labuan : 087-414100



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

Pejabat-pejabat Penguatkuasa di Ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

